



REALITI MASYARAKAT INDIA DI LEMBAH KELANG

Malaysia merupakan sebuah negara yang pesat membangun dengan permintaan yang tinggi untuk sumber tenaga mahir dan separa mahir. Peningkatan kepada keperluan tenaga pekerja asing diperlukan untuk menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia. Kehadiran pekerja asing secara langsung telah menimbulkan isu kemiskinan bandar dalam kalangan masyarakat India. Faktor peluang pekerjaan yang rendah telah memberikan kesan langsung kepada golongan miskin di bandar dan seterusnya merintis kepada wujudnya golongan berpendapatan rendah dan pengangguran.

Beberapa kajian telah dilakukan secara khusus pada kemiskinan bandar dan kesan terhadap sosial. Walau

bagaimanapun, kajian pembasmian kemiskinan bandar yang dilakukan amat terhad terutamanya dari perspektif pembangunan masyarakat. Isu kemiskinan bandar perlu dijelaskan sebelum sebarang keputusan mekanisme pembasmian kemiskinan bandar dibuat. Malah, tidak dapat menafikan bahawa tiada kajian khusus dilakukan untuk memahami peranan domain pembangunan masyarakat seperti penyertaan, pemeraksanaan dan pembinaan keupayaan kepada pengurangan kemiskinan bandar dari segi mewujudkan kesejahteraan ekonomi.

Menurut Profesor Emeritus Chamhuri Siwar, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sejak tahun 2000, beberapa sarjana telah mula mengupas isu kemiskinan bandar di Malaysia. Secara amnya, kajian tentang kemiskinan luar bandar adalah lebih dominan. Faktor kebimbangan kenaikan harga barangan yang semakin drastik dan proses perbandaran yang pesat merupakan antara faktor

Psychology - Human Behavior

M/S = 19-22.

CR No:
000025322
PSY 2017/A03.



Populasi Masyarakat India di kawasan bandar di Malaysia

Negeri	Daerah	Populasi	India	Peratus
Kuala Lumpur		1 286 937	146 621	11.4
	Gombak	541 302	71 944	13.3
Selangor	Klang	647 603	129 408	19.9
	Kuala Langat	199 200	33 333	16.7
	Kuala Selangor	166 319	31 447	18.9
	Petaling	1 193 650	166 542	13.9
	Sepang	108 176	20 744	19.2
	Ulu Langat	874 494	96 598	11.0
N. Sembilan	Ulu Selangor	153 572	30 415	19.8
	Port Dickson	106 557	22 811	21.4
Penang	Seremban	378 758	73 059	19.3
	S.P.Tengah	298 117	33 248	11.2
	S.P.Utara	254 926	23 095	9.1
	S.P.Selatan	121 543	23 592	19.4
	Timur Laut	427 425	42 631	10.0
Perak	Batang Padang	154 944	23 416	15.1
	Manjung	194 640	28 240	14.5
	Kinta	716 124	104 471	14.6
	Kuala Kangsar	148 219	20 550	13.9
Johor	Larut/ Matang	281 040	32 393	11.5
	Hilir Perak	192 585	35 892	18.6
	Johor Bahru	1 080 508	109 864	10.2
Kedah	Kluang	254 584	26 818	10.5
	Kuala Muda	349 641	51 517	14.7
	Kulim	195 933	38 635	19.7

Sumber: Jabatan Statistik Malaysia (2013)

yang menyumbang kepada masalah kemiskinan bandar.

Masyarakat India ialah etnik minoriti dengan sekitar 7 peratus penduduk daripada jumlah penduduk Malaysia yang kini berjumlah 31.7 juta orang. Daripada jumlah tersebut, majoriti etnik India terlibat dalam beberapa sektor pekerjaan seperti pertanian, pembuatan, profesional dan perkeranian. Mereka terdiri daripada 60% penduduk setinggan bandar yang telah diklasifikasikan sebagai golongan *Bottom 40* (B40) di Malaysia. Kerajaan masih komited memajukan masyarakat India khususnya dalam usaha menangani isu kemiskinan bandar.

Pelbagai inisiatif kerajaan seperti tertubuhnya tiga agensi penting, iaitu Sekretariat Khas untuk Memperkasakan Usahawan India (SEED), Unit Khas Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India (SEDIC) dan Pasukan Petugas Pelaksanaan Khas bagi Masyarakat India (SITF) untuk menangani pelbagai masalah masyarakat India dari sudut sosial sehingga ekonomi.

Dari aspek kewangan, golongan ini terjebak dalam kemiskinan kerana tidak mempunyai pekerjaan yang tetap. Keadaan ini mengakibatkan kestabilan pekerjaan dan punca pendapatan mereka terancam. Industri perkilangan, pembinaan dan perkhidmatan secara amnya mengambil pekerja sementara secara harian yang menyebabkan pendapatan bulanan yang tidak tetap. Akibatnya mereka mengalami keperitan dan tekanan untuk mengekalkan kehidupan progresif khususnya menyediakan pendidikan yang lebih baik untuk anak-anak mereka.

Kemasukan pekerja asing juga telah menyebabkan peluang pekerjaan semakin terhad di kawasan bandar. Kos



“Kemiskinan bandar dikaitkan dengan gaji yang rendah, kurang kepercayaan oleh majikan dan kadar inflasi yang tinggi di bandar.”

buruh yang rendah secara relatif, kesediaan bekerja dalam sektor 3D (bahaya, kotor, sukar) menyebabkan kecenderungan pemilihan buruh asing oleh para majikan. Senario ini, menjejaskan peluang pekerjaan kepada golongan miskin bandar ini yang memerlukan pendapatan yang lebih untuk menampung kos hidup di bandar yang kian mencabar. Pendapatan yang rendah telah turut menjejaskan kualiti hidup mereka. Mereka juga perlu menampung pelbagai perbelanjaan seperti makanan, sewa rumah, pengangkutan dan perbelanjaan keperluan asas lain. Selain itu, keadaan daif ini juga wujud kerana pengurusan kewangan yang lemah. Malah, ada yang masih terlibat dengan ketagihan alkohol serta masalah sosial yang lain seperti gangsterisme.

Masyarakat India yang menetap di kawasan bandar mempunyai simpanan kewangan yang rendah sehingga boleh menimbulkan risiko untuk kehidupan pada masa hadapan. Selain itu, kos perumahan di bandar yang tinggi menyukarkan orang mereka untuk membeli rumah. Walau bagaimanapun, campur tangan kerajaan yang aktif dengan penubuhan SEDIC dan SEED sekurang-kurangnya membantu masyarakat India di kawasan bandar untuk mendapatkan bantuan. Malah, kerajaan juga menyediakan projek perumahan

untuk rakyat termiskin di kawasan bandar. Pada peringkat awal, penempatan masyarakat India bermula dari kawasan setinggan di Kuala Lumpur, Lembah Klang, Johor Bahru, Butterworth dan Pulau Pinang. Penempatan masyarakat ini berfokuskan kawasan di pinggir Kuala Lumpur seperti Jalan Klang Lama, sepanjang Lebuhraya Persekutuan, Cheras, Sentul, Selangang, Damansara dan Petaling Jaya.

Statistik kemiskinan bandar telah mendedahkan bahawa kumpulan etnik India membentuk peratusan yang tinggi. Selain itu, pendapatan garis kemiskinan juga banyak dipengaruhi oleh gaya hidup bandar. Pendapatan per kapita semasa negara masih rendah kerana masih ramai isi rumah yang berpendapatan di bawah RM2300. Hal ini menunjukkan bahawa jurang yang luas sedang terbentuk antara tahap pendapatan dan status ekonomi.

Di samping itu, persekitaran sosioekonomi juga bertindak sebagai penentu kemiskinan bandar bagi etnik India yang dapat dilihat melalui pekerjaan dan pendapatan etnik India. Kesan pengangguran disebabkan oleh kekurangan kemahiran, kekurangan kelayakan pendidikan dan kekurangan pekerjaan yang baik untuk mereka di Lembah Klang. Kekurangan pekerjaan yang sesuai dikatakan sebagai punca utama berlakunya masalah ini. Beberapa naratif sosial yang menggambarkan realiti sosial isu kemiskinan bandar dalam kalangan etnik India dikongsi sebagai perbincangan.

“Kami miskin kerana tidak boleh mendapatkan pekerjaan yang baik. Tiada ada sesiapa yang mahu percaya pada kami dan memberi kami kerja. Kami dilihat sebagai samseng sahaja. Bagaimana untuk keluar dari kemiskinan jika pihak tertentu tidak



memberi kami pekerjaan yang lebih baik dan kontrak perniagaan?" (Komunikasi peribadi, ketua masyarakat di Pangsapuri Air Panas, Setapak pada 11 Jun 2012).

Selain itu, kemiskinan bandar dikaitkan dengan gaji yang rendah, kurang kepercayaan oleh majikan dan kadar inflasi yang tinggi di bandar. Menurut seorang responden, mereka tidak sukar untuk mencari pekerjaan di Lembah Klang, tetapi tidak diberikan peluang oleh pihak tertentu.

"Bukan susah untuk mendapat kerja di KL. Kami dilihat seperti pencuri di tempat kerja. Majikan selalu marah dan kadang-kadang pekerja asing dilayan dengan lebih baik. Macam saya, kerja sebagai penjaga stor, tidak pernah naik pangkat mungkin kerana saya miskin dan tinggal di pangsapuri, majikan pandang saya rendah." (Komunikasi peribadi, informan di Pangsapuri Air Panas, Setapak pada 20 Jun 2012).

Tambahan pula, kadar pengangguran yang tinggi ini juga telah mewujudkan pelbagai masalah sosial. Salah seorang informan memberitahu bahawa pelbagai masalah sosial masih membelenggu masyarakat India di kawasan bandar. Isu penyalahgunaan dadah, gangsterisme dan pengambilan alkohol telah memberikan kesan kepada pembangunan masyarakat India.

"Kita bersetuju bahawa belia kita terlibat dalam gangsterisme, alkohol dan dadah. Isu-isu ini memang menyusahkan kami. Kami tidak ada pendapatan yang konsisten. Mereka masuk dan keluar dari penjara seperti mereka pergi bercuti." (Komunikasi peribadi, ketua masyarakat di Pangsapuri Taman Angkasa pada 14 Jun 2012).

Menurut seorang lagi informan, pihak kerajaan serta swasta telah memberikan pelbagai peluang untuk masyarakat miskin bandar, namun peluang ini kurang digarap oleh mereka.

"Kerajaan dan NGO ada memberi pertolongan. Contohnya, MyKasih menganjurkan kursus latihan perniagaan untuk kami. Cuma beberapa orang sahaja yang mahu terlibat. Kawan-kawan saya tidak mahu terlibat kerana tidak diberikan bantuan kewangan dan bantuan yang diberikan hanya dalam bentuk latihan."

Masyarakat India juga sudah biasa menerima pelbagai bantuan kewangan daripada pihak kerajaan. Apabila, bantuan diberi dalam bentuk latihan atau kursus, mereka dilihat kurang berminat untuk menyertai inisiatif tersebut. Terdapat bilangan yang agak besar dalam kalangan ibu tunggal di kawasan penempatan etnik India golongan miskin bandar yang menganggur, diabaikan dan tidak mempunyai jalan keluar daripada masalah mereka. Sekiranya setiap ibu tunggal ini boleh diberikan latihan penanaman hidroponik, penanaman

sayur-sayuran seperti cili, bendi, terung, tomato, halia dan tanaman-tanaman lain tidak mustahil mereka mampu menjana pendapatan sendiri.

"Terdapat ramai ibu tunggal di sini. Selain kematian suami, ada yang ditinggalkan suami. ...Ada yang lari daripada suami kerana penderaan. Kami susah nak pergi kerja kilang kerana anak ramai, dan siapa nak jaga? Saya pernah dengar tentang hidroponik. Kalau diajar maka kami boleh buat di rumah." (Komunikasi peribadi, ibu tunggal di Pangsapuri Kos Rendah Air Panas, Setapak pada 10 Jun 2012).

Melalui inisiatif ini, golongan ini akan mendapat pendapatan yang baik, dan secara tidak langsung membolehkan mereka menjalani kehidupan yang normal secara bebas. Di samping itu, terdapat juga pelbagai program lain bantu diri seperti membuat makanan ringan, menjahit dan menghasilkan kraf tangan dan cenderamata. Selain mengubah nasib mereka, usaha-usaha ini akan mengubah persepsi masyarakat terhadap golongan ini yang dilihat sebagai bebanan, sentiasa mengharap bantuan kerajaan dan malas berusaha.


Kemiskinan dalam kalangan masyarakat India merupakan isu yang perlu diberikan perhatian oleh pelbagai pihak. Beberapa inisiatif kerajaan dilihat mula membantu masyarakat ini. Namun, kemampuan usaha murni ini hanya dapat dicapai jika terdapat penyertaan ikhlas daripada golongan miskin bandar termasuklah daripada pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Selain itu, anjakan paradigma masyarakat umum terhadap golongan ini perlu untuk mengubah persepsi buruk masyarakat tentang golongan ini. Nescaya, pengembiangan usaha pelbagai pihak, akan dapat mengatasi isu miskin bandar ini daripada terus parah.

Semoga pelan pembangunan masyarakat India yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak pada bulan Mac 2017 dapat memberikan suntikan semangat kepada masyarakat India untuk menerima bantuan dan bimbingan daripada pihak kerajaan. 

SASAR 100 PINGAT EMAS SUKAN SEA 2017

KUALA LUMPUR 2017

29TH SEA GAMES



ini lah masanya untuk membuktikan Malaysia terbaik di rantau Asia Tenggara! Laungan itu perlu sama-sama diluahkan oleh kira-kira 32 juta penduduk di negara ini bagi menaikkan semangat dan keghairahan para atlet Malaysia yang bakal beraksi di temasya sukan terbesar di Asia Tenggara, Sukan SEA.

Negara seharusnya sudah benar-benar bersedia untuk memberikan yang terbaik untuk penganjuran edisi ke-29 ini. Bersedia bukan sahaja dari segi penganjuran dan penyediaan fasilitet yang terbaik kepada para tetamu, tetapi juga bagi memastikan edisi kali ini berakhir dengan kecemerlangan yang luar biasa.